

17 NOV 2003

Mahathir-Perpaduan

TERUSKAN PERPADUAN SESAMA ISLAM DAN KAUM LAIN - DR MAHATHIR

JITRA, 17 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa umat Islam di negara ini supaya terus mengamalkan sikap perpaduan sesama mereka serta dengan bangsa lain.

Bekas perdana menteri berkata ummah yang bersatu akan menguatkan mereka terutama dalam menghadapi penindasan yang dilakukan kuasa besar.

Pada masa yang sama, katanya, umat Islam harus juga menghormati penganut agama lain, dengan membenarkan mereka mengamalkan ajaran agama masing-masing tanpa sebarang gangguan.

"Kita di negara ini harus bersyukur kerana dapat hidup aman damai dan tenteram kerana setiap bangsa bersatu padu, dan orang Islam tidak mengganggu hak penganut agama lain," katanya semasa berucap pada majlis penyampaian bantuan kepada 300 ibu tunggal dan anak yatim dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tunjung di Masjid Al Huda, Felda Lata Selatan, Changloon dekat sini malam ini.

Beliau sebelum itu berbuka puasa bersama kira-kira 2,000 hadirin dan solat Maghrib.

Dr Mahathir berkata walaupun umat Islam di dunia ini berjumlah 1.3 bilion, tetapi mereka menjadi umat yang lemah dan ditindas kerana tidak bersatu padu.

"Dengan itu orang Islam mesti kembali kepada ajaran agama yang sebenarnya supaya mereka dapat menjadi umat yang kuat dan disegani," katanya.

Menyentuh perkara lain, Dr Mahathir yang juga anggota Parlimen Kubang Pasu melahirkan rasa terharu dengan sambutan masyarakat terhadap beliau di kawasan itu dan berharap hubungan akrab itu akan terus terjalin walaupun beliau tidak lagi menjadi wakil rakyat mereka.

Beliau juga meminta pengundi di kawasan itu terus menyokong sesiapa sahaja calon yang bakal diletakkan Barisan Nasional menggantikan beliau pada pilihan raya umum kelak.

-- BERNAMA

MZM RON